



**ANTARA** objektif jerayawara ini ialah untuk memperkenalkan pusat-pusat rujukan bacaan yang terdiri dari perpustakaan-perpustakaan akademik pengajian tinggi dan TVET.

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Oktober. - Politeknik Brunei mengadakan Jerayawara Reciprocal Borrowing Scheme (RBS) Ke-3 pada tahun ini, iaitu pada 21 Oktober lalu yang berlangsung di Kampus Utama, Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Jerayawara RBS mula diperkenalkan pada 15 Mac 2017, di mana pada dasarnya skim ini diadakan bagi membolehkan

pengguna-pengguna terdiri dari warga institusi untuk meminjam bahan bacaan secara percuma di antara perpustakaan-perpustakaan institusi pengajian tinggi dan TVET yang menyertai skim ini.

Ketika ini, terdapat 12 institusi menjadi ahli kepada skim berkenaan. Sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Kali Pertama Bagi Tahun 2020 pada Isnin, 21 September 2020, di mana baginda menekankan guna sama fasiliti dan pendekatan Whole Government Approach dalam jabatan-jabatan kerajaan bagi mengelakkan pembaziran dan memastikan untuk menggunakan sumber kerajaan secara efisien.

Jerayawara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Ketua Pegawai Perpustakaan Politeknik Brunei, Awang Abdul Muiz bin Ahmad Hussin memulakan majlis dengan memberikan ucapan alu-aluan dan seterusnya melancarkan jerayawara.

"Diharapkan semoga objektif jerayawara ini dapat dicapai dan memberi kebaikan kepada pengguna terutamanya. Sebagai saranan kepada rakan pustakawan, pada era ini kita hendaklah berkemampuan dalam

mengeksploitasi teknologi terkini untuk tujuan mempromosikan perkhidmatan perpustakaan. Sebagai contoh menggunakan sepenuhnya Sistem OPAC dengan mengintegrasikan sistem Kod QR, ini adalah bagi memudahkan pengguna mengakses katalog perpustakaan di mana sahaja, dengan niat untuk menggiatkan lagi minat pengguna untuk membaca dan mengkaji," ujar Ketua Pegawai Perpustakaan Politeknik Brunei, Awang Abdul Muiz.

Turut hadir ialah Pegawai-pegawai Perpustakaan dan Pustakawan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), IBTE, Dewan Bahasa dan Pustaka serta pelajar-pelajar Politeknik Brunei.

Melalui RBS perpustakaan-perpustakaan institusi pengajian tinggi dan TVET telah mengambil langkah proaktif dalam merealisasikan hasrat baginda

yang menitik beratkan guna sama sumber dan mengelakkan pembaziran.

Antara objektif jerayawara ini ialah untuk memperkenalkan pusat-pusat rujukan bahan bacaan yang terdiri dari perpustakaan-perpustakaan akademik pengajian tinggi dan TVET; untuk meningkatkan keahlian RBS di antara institusi pengajian tinggi; untuk meningkatkan peminjaman dan penggunaan bahan bacaan akademik untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran di antara institusi pengajian tinggi dan TVET; menggalakkan guna sama fasiliti dan sumber-sumber kerajaan secara efisien; memupuk semangat Independent Research dalam kalangan pelajar melalui penerokaan bahan bacaan di institusi-institusi pengajian tinggi dan TVET yang lain, sekali gus memupuk minat membaca dan akhir sekali, menerapkan kemahiran celik informasi yang perlu ada dala, kalangan pelajar untuk berdaya saing dan bertahan dalam Abad Ke-21.

# DARI MAHKAMAH

## Rasuah : Dihukum penjara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Oktober. - Gara-gara memberi suapan kepada Pegawai Kastam dan Eksais Diraja, seorang lelaki warganegara tempatan dipenjara selama 36 bulan oleh Mahkamah Perantaraan atas pertuduhan terhadap 27 tuduhan bagi kesalahan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Tertuduh, Reginal Choong Cheng Jian, 34 tahun, yang juga seorang pekerja di salah sebuah syarikat swasta mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu.

Mengikut pertuduhan, Reginal Choong Cheng Jian didakwa memberi suapan, iaitu wang tunai kepada seorang Pegawai Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas Pos Kawalan Sungai Tujoh. Tertuduh melakukan kesalahan-kesalahan tersebut daripada 24 Oktober 2017 hingga 4 Mac 2018.

Tertuduh, didakwa memberikan suapan berbentuk wang berjumlah di antara BND50 hingga BND500 dan membawa kepada keseluruhannya sebanyak BND4,912. Tertuduh memberikan suapan kepada pegawai tersebut agar memastikan barang seperti minuman keras dan rokok dibenarkan masuk Negara Brunei Darussalam tanpa pengisytiharan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hafizah binti Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam dari Yusof Halim.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hafizah meminta tertuduh dikenakan hukuman yang setimpal memandangkan ia adalah kesalahan serius memberi rasuah kepada Pegawai Kastam dan Eksais Diraja atas kesalahan berkaitan rasuah.

## Menyeludup minuman keras, lelaki tempatan didenda

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Oktober. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman ke atas seorang lelaki tempatan hari ini.

Tertuduh, Tee Eng Lee dijatuhan hukuman denda BND16,000 atau 13 bulan penjara, jika gagal membayar denda tersebut.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu juga menetapkan tempoh membayar denda berkenaan sehingga 29 April

2021.

Tee Eng Lee, 44 tahun, didakwa atas kesalahan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006, iaitu memiliki 96 botol minuman keras, iaitu Whisky.

Defendant, ditangkap oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Daerah Temburong semasa menjalankan rondaan, di mana mereka mendapati satu aktiviti yang mencurigakan diadakan di Jeti Kampung Meniup, Mukim Bokok.

Polis Daerah Temburong turut menjumpai beberapa kotak minuman keras yang dimasukkan ke dalam sebuah kereta model Toyota Corolla yang berdaftar BJ6575 kepunyaan seorang warganegara Malaysia.

Menurut siasatan, Tee Eng Lee diberikan wang komisen oleh warganegara Malaysia itu untuk menghantar minuman keras berkenaan ke Kampung Kianggeh.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Haji Mohd. Junaidi bin Haji Ahmad.

## Suspek pembunuhan disambung reman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Oktober. - Sepasang suami isteri yang merupakan warga tempatan, yang juga suspek kes pembunuhan seorang wanita di Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Jalan Derma Wangsa, Kuala Belait disambung reman selama 14 hari oleh Mahkamah Majistret, hari ini.

Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Haji Abdul

Rahman mempersetujui permohonan reman yang dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman kepada suspek-suspek, iaitu Hassan bin Yussof dan Rosnani binti Tanga.

Permohonan tersebut adalah bagi membantu siasatan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi kesalahan di bawah Seksyen 302, iaitu Bunuh, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Terdahulu, PPDB menerima panggilan kecemasan menerusi

Talian Kecemasan Polis 993 berhubung dengan seorang wanita yang tidak sedarkan diri dan dalam keadaan berlumuran darah di sebuah rumah di Kampung STKRJ Jalan Derma Wangsa, Kuala Belait pada 10 Oktober lalu, kira-kira jam 8.54 pagi.

Siasatan awal juga mendapati kesan-kesan luka di bahagian tubuh mangsa.

Kes akan disebut semula pada 9 November 2020, jam 2.00 petang.

## Padah adakan Rumah Perjudian Terbuka

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Oktober. - Atas kesalahan judi, seorang lelaki, warga tempatan, dijatuhan hukuman denda BND50,000 atau 30 bulan penjara, jika gagal membayar denda tersebut.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu yang menjatuhkan hukuman tersebut, di Mahkamah

Majistret juga menetapkan tempoh bayaran denda tersebut hingga Oktober 2021.

Tertuduh, Mohammad Nor Arman bin Pudin, dijatuhan hukuman di bawah Seksyen 4A (a) Akta Rumah Perjudian Terbuka, Penggal 28 dan di bawah Seksyen 4A Akta yang sama, di mana denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi daripada BND100,000 atau tidak melebihi lima tahun

pemenjaraan atau kedua-duanya bagi setiap satu mesin yang dirampas.

Mohammad Nor Arman didakwa kerana terlibat dalam kesalahan memiliki lima mesin permainan judi dalam kegiatan perjudian, di salah sebuah rumah, di Kampung Pandai Besi 'A'.

Pendakwaan tertuduh dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Khalillah binti Hussin.